

UCAPAN YB DATO' DR. CHUA SOI LEK, MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA, SEMPENA PERASMIAN SEMINAR SEHARI UNTUK AHLI-  
AHLI YANG BERHORMAT WANITA DARI DEWAN RAKYAT, DEWAN  
NEGARA DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERHUBUNG WABAK  
HIV/AIDS/DADAH

12 Mac 2006

---

YBhg Datin Paduka Hjh Rahmah Osman, Pengarah Eksekutif  
AFPPD Malaysia

YB Datuk Hjh Rohani Abdul Karim, Setiausaha Parlimen Kementerian  
Pertanian & Industri Asas Tani,

Mr. Richard Leete, UNFPA Representative & UNDP Resident Representative

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat, Dewan Negara & Dewan  
Undangan Negeri-Negeri

Dif-dif Kehormat, Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan puan-puan yang  
dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan taniah dan syabas kepada Asian  
Forum of Parliamentarians on Population & Development Malaysia yang telah  
mengambil inisiatif untuk menganjurkan majlis ini. Saya merasa sungguh  
bertuah dijemput merasmikan seminar sehari ini untuk Ahli-Ahli Yang  
Berhormat Wanita berhubung wabak HIV/AIDS/Dadah yang dikaitkan dengan  
tahap kehidupan sejagat. Adalah menjadi harapan kita semua agar selepas

seminar ini, pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membendung wabak HIV/AIDS akan difahami dan disokong oleh semua pihak dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian

Hadirin yang saya hormati ,

2. Wabak jangkitan HIV dan AIDS adalah masalah kesihatan yang diakibatkan oleh masalah sosial. Virus HIV yang memasuki tubuh manusia akan menyerang sel-sel dan sistem pertahanan semulajadi tubuh terhadap sebarang penyakit dan akhirnya menyebabkan kematian. Seseorang yang dijangkiti virus HIV mempunyai tempoh pengeraman selama 5-10 tahun dan semasa tempoh inilah virus HIV berpotensi untuk ditularkan kepada orang lain tanpa pengetahuannya.

3. Virus HIV boleh menular melalui perpindahan cecair badan seperti darah, air mani dan cecair faraj. Ianya boleh berlaku melalui perkongsian jarum suntikan semasa menyuntik dadah, perhubungan seks tanpa kondom dengan pasangan yang dijangkiti HIV, pemindahan darah tercemar dengan HIV, dan dari ibu yang dijangkiti HIV kepada anak semasa dalam kandungan, semasa kelahiran atau semasa menyusu bayi.

4. Sehingga ke hari ini, dunia masih belum menemui vaksin yang boleh mencegah jangkitan HIV dan ubat yang boleh menyembuhkan pesakit AIDS. Oleh yang demikian, langkah-langkah pencegahan dan kawalan kepada jangkitan HIV adalah amat penting untuk membendung wabak ini dari terus menular.

Ahli-ahli yang terhormat sekalian,

5. Di Malaysia, virus HIV mula dikesan pada tahun 1986. Semenjak itu, bilangan warga Malaysia yang dijangkiti HIV/AIDS terus meningkat berlipat kali ganda setiap lima tahun. Sehingga Jun 2005, ataupun dalam masa 18 tahun, jumlah terkumpul kes jangkitan HIV yang dikesan di Malaysia sudah sampai kepada angka 67,528 kes termasuk 10,024 kes AIDS dan 7,651 kematian. Pada masa kini, penularan HIV di Malaysia sudah sampai ke tahap pengesanan 18 kes baru jangkitan HIV, 3 kes AIDS dan 3 kematian akibat AIDS setiap hari. Punca utama adalah perkongsian jarum semasa menyuntik dadah yang merupakan 75% dari keseluruhan jangkitan HIV yang dilaporkan, sementara 15% dilaporkan menerusi perhubungan seks dengan pasangan yang dijangkiti HIV. 80% dari mangsa HIV/AIDS adalah warga Malaysia berumur 20-39 yang merupakan kumpulan umur yang paling produktif bagi sesebuah negara. Paling membimbangkan ialah bilangan kes dan peratusan wanita yang dijangkiti, meningkat setiap tahun dari 6.42 % pada 1998 hingga ke 12.00% pada 2004. Suri rumah sepenuh masa merupakan 33.12% dari jumlah wanita yang dijangkiti.

6. Adalah dianggarkan seramai 300,000 warga Malaysia akan dijangkiti HIV/AIDS menjelang tahun 2015 sekiranya program-program pencegahan dan kawalan tidak dilaksanakan secara komprehensif. Angka ini tentulah mengejutkan kita semua. Justeru itu, wabak HIV/AIDS di negara kita perlu dibendung dengan seberapa segera serta diberi keutamaan secara menyeluruh oleh semua pihak, samada oleh pihak Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), pemimpin politik, pemimpin agama dan seluruh lapisan warga Malaysia.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Penagihan dadah di Malaysia merupakan salah satu masalah utama negara. Pelbagai usaha pendidikan serta pencegahan telah dilaksanakan, namun, kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bersama Universiti Utara Malaysia telah menganggarkan terdapat hampir 1 juta penagih dadah pada tahun 2003 di seluruh negara, dengan 13% (atau 130,00 orang) daripada mereka merupakan penagih dadah suntikan. Mereka inilah apabila berkongsi jarum semasa menyuntik dadah akan terdedah kepada risiko jangkitan HIV sebanyak 7 kali ganda berbanding dengan yang tidak menyuntik.

8. Golongan ini juga, didapati berkongsi jarum dengan 5 orang rakan suntikan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa 80% dari penagih dadah suntikan adalah aktif dalam perhubungan seks, samada dengan isteri, teman wanita atau pelacur, manakala hanya 15% yang mengguna kondom. Ini bermakna penagih dadah suntikan sebenarnya melakukan amalan risiko berganda terhadap jangkitan HIV. Pertama, menjangkiti atau mendapat jangkitan daripada penagih dadah lain melalui perkongsian jarum. Kedua, setelah dijangkiti HIV, menjangkiti pula pasangan seksual mereka dengan melakukan perhubungan seks tanpa kondom. Risiko seksual ini jika tidak dibendung dengan berkesan akan terus meningkatkan kadar jangkitan HIV melalui perhubungan seks. Sebenarnya bilangan jangkitan HIV melalui perhubungan seks telah meningkat dari hanya 41 kes pada tahun 1990 kepada 10,346 kes pada Jun 2005.

9. Walaupun wabak HIV/AIDS di negara kita masih tertumpu di kalangan penagih dadah, namun masyarakat umum sebenarnya tidak boleh dianggap

masih selamat dari risiko jangkitan HIV. Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia telah menunjukkan bahawa wabak HIV/AIDS telahpun menular ke masyarakat nelayan, pemandu lori jarak jauh, pekerja kilang, dan pekerja di sektor swasta. Bahkan, sememangnya terdapat peningkatan yang drastik bagi kes HIV/AIDS di kalangan wanita dan suri rumahtangga. Keadaan ini menjelaskan kepada kita bahawa jangkitan HIV di Malaysia sudah tidak lagi hanya berligar dalam lingkungan kumpulan penagih dadah atau pelacur, sebaliknya semua lapisan masyarakat boleh terdedah kepada jangkitan HIV sekiranya kita tidak berwaspada dengan mengambil langkah langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya. Yang belum terkena perlu berpegang kepada kehidupan bermoral dan bertanggungjawab. Manakala mereka yang sudah dijangkiti HIV perlu didorong dan diberi segala perkhidmatan yang diperlukan untuk insaf dan tidak menjangkiti orang lain.

10. Statistik KKM telah menunjukkan bahawa 65% dari ibu mengandung yang dijangkiti HIV sebenarnya berpunca dari suami yang membawa pulang virus HIV, manakala 45% dari suami yang disahkan HIV-positif adalah bekas atau penagih dadah. Berkaitan dengan isu ini, dari jumlah hampir 1.5 juta ibu hamil yang disaring HIV semenjak tahun 1998, terdapat seramai 757 ibu hamil yang dikesan HIV positif. Seramai 25 bayi yang dilahirkan oleh ibu HIV positif telah disahkan mendapat jangkitan HIV. Situasi ini tela mengakibatkan wabak HIV/AIDS menjadi bertambah serius atau MUDARAT apabila penularannya sampai kepada kelahiran seorang kanak-kanak yang HIV-positif.

Ahli-ahli yang terhormat sekalian,

11. Berdasarkan fakta-fakta yang telah saya huraikan, maka YAB Perdana Menteri sendiri baru-baru ini telah menyatakan bahawa gejala HIV/AIDS di negara kita sudah sampai ke peringkat darurat dan pendekatan yang lebih efektif dan terbukti berjaya di negara lain serta sesuai dilaksanakan di negara ini perlu dibuat seberapa segera. Maka Kementerian Kesihatan telahpun mengambil langkah yang drastik ini bagi mencegah merebaknya penyakit ini di kalangan penagih dadah melalui pendekatan '*Harm Reduction*.'

12. Program "*Harm Reduction*", atau program "Pengurangan Kemudaratan" yang telah di terima pakai oleh beberapa negara di dunia dan rantau Asia, dan telah dilaporkan oleh pihak WHO sebagai terbukti berkesan dalam membendung penularan HIV/AIDS. Program ini bertujuan untuk mengurangkan kemudaratan akibat penagihan dadah demi menyelamatkan nyawa penagih dadah itu sendiri di samping menyelamatkan orang lain dari kemudaratan yang dibawa oleh penagih dadah. Aspek pengurangan kemudaratan ini meliputi, antara lain, pengurangan risiko jangkitan HIV, dan Hepatitis B & Hepatitis C; pengurangan risiko ketagihan dadah, masalah mental, psiko-sosial dan aktiviti jenayah.

13. Aktiviti pertukaran jarum hanya merupakan salah satu dari beberapa komponen program "*Harm Reduction*" dan di berikan sebagai satu "Package" perkhidmatan. Ia adalah sebagai langkah pertama untuk penagih dadah suntikan memperolehi perkhidmatan kaunseling, informasi mengenai HIV/AIDS, pemberian kondom, saringan HIV dan Hep-C, rawatan TB, STD, dan AIDS, khidmat rawatan "Methadone", khidmat sokong-bantu, dan khidmat rujukan bagi mendapat tindakan lanjutan. Semuanya ini adalah merupakan komponen komponen program "Harm Reduction"

Ahli-ahli yang terhormat sekalian,

14. Perlu ditegaskan disini, bahawa program ini tidak sama sekali bertujuan untuk mengambil alih atau mengenyahkan program-program pencegahan dan kawalan HIV/ Penagihan dadah yang sedia ada. Sebaliknya ia merupakan inisiatif tambahan kepada yang sedia ada.

15. Antara perkara yang menjadi persoalan orang ramai adalah "Program Pertukaran Jarum Suntikan dan pemberian kondom" ini akan hanya menggalakkan peningkatan bilangan penagih dadah, seks bebas dan kes HIV positif. Ingin ditegaskan di sini bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), melalui rumusan ke atas kajian-kajian berkaitan selama 20 tahun, mendapati bahawa tiada bukti yang boleh menunjukkan bahawa program ini telah mengakibatkan penambahan bilangan penagihan dadah, atau menambah bilangan penagih dadah suntikan. Malah didapati lebih ramai penagih dadah telah tampil mendapatkan rawatan lanjutan apabila program ini disertakan dengan aktiviti rawatan dan rujukan yang sesuai untuk mereka.

16. Mengikut perkiraan kasar KKM, dengan membelanjakan RM140 juta setahun untuk membekalkan jarum bersih dan kondom kepada 130,000 penagih dadah suntikan yang tegar, kita boleh mencegah sehingga 93,600 kes jangkitan HIV yang akan memerlukan RM500 juta setahun untuk merawatnya. Kehidupan tanpa HIV/AIDS pastinya lebih berharga berbanding wang ringgit.

17. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak AFPPD Malaysia kerana mengambil inisiatif mengadakan majlis ini. Saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Sehari ini. Sekian, terima kasih.